

# Siapa Allah? dan Dongeng Para Atheism: Al-Baqarah (2: 21-22)

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2018). "Siapa Allah? dan Dongeng Para Atheism: Al-Baqarah (2: 21-22)" in *Program Budaya al-Quran* pada 16hb. Ogos 2018 di Kolej Tun Fatimah, UTM. Program anjuran Pusat Islam, UTM, p. 1-16.

## Abstract

Allah SWT memperkenalkan diri-Nya sebagai Tuhan sebenar yang mencipta dan memiliki alam ini. Artikel ini merupakan hasil kajian perpustakaan bagi mendapatkan tafsiran ayat Surah al-Baqarah (2: 21-22). Hasil dapatan menunjukkan ayat ini membincangkan tentang beberapa perkara penting, iaitu dalil wujudnya Tuhan Pencipta alam dan makhluk; Tuhan itu ialah Allah SWT; keperluan manusia untuk beribadat kepada Allah sebagai maksud penciptaan manusia; syarat utama untuk menyembah Allah SWT ialah tidak mensyirikannya bukan pada sahaja pada penyembahan, tetapi juga pada percakapan.

## References

- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Ibn 'Abbas, Abdullah 'Abbas. t.th. *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas*. Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub (Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub 'lmiyah.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Ciri Orang Kafir dan Munafiq: Al-Baqarah (2: 6-16)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran pada 2hb. Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018c. *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018d. *Perumpamaan Indah Buat Sang Munafiq: Al-Baqarah (2: 17-20)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran pada 9hb Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018e. *Siapa Allah? dan Dongeng Para Atheism: Al-Baqarah (2: 21-22)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran pada 16hb. Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

# SIAPA ALLAH? DAN DONGENG PARA ATHEISM: AL-BAQARAH (2: 21-22)\*

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

## Abstrak

*Allah SWT memperkenalkan diri-Nya sebagai Tuhan sebenar yang mencipta dan memiliki alam ini. Artikel ini merupakan hasil kajian perpustakaan bagi mendapatkan tafsiran ayat Surah al-Baqarah (2: 21-22). Hasil dapatan menunjukkan ayat ini membincangkan tentang beberapa perkara penting, iaitu dalil wujudnya Tuhan Pencipta alam dan makhluk; Tuhan itu ialah Allah SWT; keperluan manusia untuk beribadat kepada Allah sebagai maksud penciptaan manusia; syarat utama untuk menyembah Allah SWT ialah tidak mensyirikannya bukan pada sahaja pada penyembahan, tetapi juga pada percakapan.*

**Kata kunci:** Allah SWT, Pencipta, makhluk, beribadat, syirik

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَأَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ  
مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ <sup>ط</sup> فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

Maksud: Wahai sekalian manusia! Beribadatlh kepada Tuhan kamu yang menciptakan kamu dan orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang yang) bertakwa. (21) Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkan-Nya air hujan dari langit, lalu dikeluarkan-Nya dengan air itu berjenis-jenis buah-

---

\* Artikel ini dibincangkan dalam Ceramah Program Budaya al-Quran Mingguan di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 16hb. Ogos 2018 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

buah yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa). (22)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 21-22)

## PENGENALAN

Menurut Imam Al-Razi (1999: 2/319), selepas Allah SWT menceritakan tentang ciri orang Mukmin (Jasmi, 2018b), ciri orang kafir dan munafik serta ciri mereka yang suka menentang Allah SWT (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018a, 2018d), pada ayat seterusnya Dia menegaskan tentang Diri-Nya ialah Tuhan sebenar yang wajar disembah dan diminta pertolongan (Jasmi, 2018c) di samping membuktikan kewujudannya dan melarang mensyirikannya (al-Baqarah, 2: 21-22) (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018e).

## TAFSIRAN AYAT

Allah SWT memerintahkan manusia, iaitu menurut Imam Ibn ‘Abbas (t.th.: 5) khususnya orang kafir Quraish, orang munafik atau sebahagian pendapat dikatakan sebagai orang Yahudi dengan firman-Nya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ  
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

Maksud: Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang menciptakan kamu dan orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang yang) bertakwa.

Imam Ibn ‘Abbas (t.th.: 5) menambah bahawa ayat ini membawa maksud, “Esakan Tuhanmu yang menjadikan kamu daripada setitis air mani dan dia juga yang menjadikan orang sebelum kamu, mudah-mudahan dengan mengetahui tentang penciptaan itu kamu takut dengan kemurkaannya, azab-Nya, dan seterusnya mentaati perintahnya.”

Manakala Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/38) dalam menafsirkan ayat ini menjelaskan, “Allah SWT menjelaskan tentang keesaan diri-Nya sebagai Tuhan yang memberi nikmat kepada para hambanya, iaitu dengan menciptakan mereka daripada tiada kepada ada.” Kemudian Allah SWT menambah dengan firman-Nya:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ  
مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَّكُمْ<sup>ط</sup>

Maksud: *Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkan-Nya air hujan dari langit, lalu dikeluarkan-Nya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu. (22)*

Dalam ayat ini pula menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/38) bahawa Allah SWT menjelaskan tentang selain nikmat kehidupan yang diberikan kepada manusia, Allah SWT juga melimpahkan pelbagai nikmat yang bukan sahaja berbentuk zahir, tetapi juga berbentuk batin. Nikmat tersebut termasuklah:

- (1) Bumi yang menjadi hamparan buat manusia berdiri, berjalan, dan berbaring di atasnya (tanpa jatuh kesan daripada graviti bumi).
- (2) Langit menjadi seperti bumbung (السقف) kepada umat manusia. Istilah bumbung menggambarkan bahawa langit tersebut benar-benar menjadi pelindung kepada makhluk hidup di bawah bumbung tersebut daripada sebarang kecelakaan yang datang daripada angkasa lepas. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam ayat yang lain dengan firman-Nya:

وَجَعَلْنَا السَّمَاءَ سَقْفًا مَحْفُوظًا وَهُمْ عَنْ آيَاتِنَا مُعْرِضُونَ ﴿٣٢﴾

Maksud: *Dan Kami menjadikan langit sebagai bumbung yang terpelihara dan terkawal, sedang mereka (yang kafir itu) berpaling tidak memerhatikan tanda (kekuasaan Kami) yang ada padanya. (32)*

(Surah *al-Anbia'*, 21:32)

- (3) Bumbung yang menjadi pelindung manusia itu juga menurunkan hujan yang menjadi sebab kepada kehidupan tanam-tanaman dan tumbuh-tumbuhan. Tumbuhan dan tanaman tersebut merupakan sumber makanan kepada manusia dan ternakan mereka. Ternakan tersebut juga akhirnya menjadi makan penting (protin) kepada umat manusia.

Tiga aspek ini sudah cukup menggambarkan bagaimana Allah SWT bukan sahaja Pencipta kepada manusia, tetapi juga merupakan pelindung, pemelihara, serta Perancang dan Pemberi rezeki kepada semua makhluk termasuk manusia. Oleh yang demikian, maka sudah tentu tidak wajar bagi manusia untuk tunduk menyembah kepada selain daripada Allah SWT.

Imam Al-Razi (1999: 2/333) menyatakan bahawa Allah SWT mengajar umat Islam dan umat manusia bagaimana membuktikan kewujudan Allah SWT dengan menggunakan alam sekeliling yang sebenarnya boleh ditanggap dan dicapai oleh panca indera manusia. Beliau membawakan contoh tentang seorang Arab Badawi bertanya, *“Apakah bukti Allah SWT itu wujud?”* Lalu dijawab, *“Tabi unta membuktikan adanya unta.”* Atau jawapan yang lain, *“Tapak kaki manusia atau haiwan membuktikan ada manusia dan haiwan tersebut.”* Sekalipun unta, manusia, dan haiwan tidak dapat ditunjukkan dengan mata, namun panca indera manusia boleh menanggap bahawa terdapat ketiga-tiga unta, manusia, dan haiwan tersebut sehingga kesan daripada kewujudan dapat diyakini.

Seterusnya, Imam Al-Razi (1999: 2/333) membawa cerita tentang sekumpulan atheis yang berdebat dengan Imam Abu Hanifah bagi menafikan tentang kewujudan Allah SWT. Setelah mendengar hujah mereka, Imam Abu Hanifah berkata,

*“Sebenarnya aku sekarang sedang befikir tentang satu berita yang disampaikan kepadaku, iaitu tentang sebuah kapal yang sarat dengan muatan sedang belayar dilautan. Kapal itu berlayar sendiri tanpa nakhoda, pemilik, dan pengawal yang menjaga dan mengemudinya. Lebih hebat lagi kapal tersebut mampu belayar dengan baik dan lancar dalam lautan yang bergelora menuju ke destinasiya.”*

(Al-Razi, 1999: 2/334)

Ketika Imam Abu Hanifah habis bercerita, seorang daripada atheis tersebut itu berkata, “Berita yang engkau terima itu adalah sesuatu yang tidak boleh diterima oleh akal. Bahkan orang yang menyampaikannya juga tidak berakal!” Lantas Imam Abu Hanifah berkata, “Kalu begitu, tidak mungkin alam yang begitu indah dan tersusun rapi sama ada di langit atau di bumi dan pelbagai kejadian alam yang lain tidak ada penciptanya.” Mendengarkan kata-kata Imam Abu Hanifah tersebut menyebabkan kumpulan atheis tersebut tersentak dan kembali kepada kebenaran sehingga mereka memeluk Islam di hadapan Imam Abu Hanifah.

Ketika Imam al-Syafie ditanya tentang dalil kewujudan Tuhan, beliau menjawab,

*“Lihat kepada daun mulberry ini. Daun ini mempunyai satu rasa. Jika dimakan oleh ulat boleh menghasilkan sutera. Jika dimakan oleh*

*oleh lebah boleh mengeluarkan madu. Jika dimakan oleh kambing atau lembu akan mengeluarkan kotoran. Jika dimakan oleh rusa akan mengeluarkan kasturi. Tidakkah semua ini menggambarkan bukti bahawa Allah SWT wujud yang mencipta semua ini.”*

(Al-Razi, 1999: 2/334)

Ketika Imam Ahmad ditanya tentang tentang dalil adanya Allah SWT. Beliau menjawab,

*“Ada satu kubu berbentuk sfera yang kuat. Kubu ini tidak ada pintu atau lubang halus yang boleh keluar atau masuk. Di luarnya warna perak keputihan di dalamnya ada emas kuning. Pada suatu hari dinding kubu itu retak dan pecah. Keluar daripada kubu itu seekor binatang yang hidup, cantik rupa bentuknya, merdu suaranya, baik pendengaran dan penglihatannya. Itulah telur sebenarnya.”*

(Al-Razi, 1999: 2/334)

Hal yang sama juga dengan penciptaan langit yang berbintang, ada matahari, bulan, tumbuhan, dan laut yang bergelora yang semuanya tersusun dengan sangat rapi dan bergerak dengan sangat tersusun, maka tidak mungkin akal begitu naif untuk tidak dapat menanggapi bahawa di sebalik semua ini ada Tuhan Yang Maha Perkasa dan Bijaksana yang menciptanya. Justeru, ayat ini menyuruh umat manusia melihat diri dan alam sekeliling bagi membuktikan kewujudan Allah SWT sangat signifikan kepada akal untuk diterima tentang kewujudan-Nya.

Setelah manusia dapat menanggapi tentang wujudnya Tuhan, iaitu Allah SWT. Perkara pertama yang ingin dilakukan oleh para hamba yang mengetahui Tuhannya ialah bagaimana untuk menyembah dan memohon permohonan. Oleh kerana itu Allah SWT menfokuskan kepada ciri terpenting untuk manusia menyembahnya, iaitu tidak boleh mensyirikannya dengan sesuatu sebagaimana firman-Nya:

فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

Maksud: *Maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa). (22)*

Ayat ini menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/197) menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Berkuasa itu tidak layak sama sekali untuk disyirikkan dengan sesuatu yang hina dalam bentuk berhala yang direka bentuk oleh tangan mereka sendiri atau dibanding Allah SWT dengan

sesuatu apa pun daripada makhluk yang Dia ciptakan (penyembah alam seperti matahari dan sebagainya).

Ayat ini pada hakikatnya menjelaskan tentang syarat utama untuk manusia menyembah Allah SWT ialah dengan tidak boleh mensyirikkan-Nya dengan sesuatu apapun. Allah SWT hanya boleh disembah mengikut cara dan ajaran yang diperintahkan oleh Allah SWT melalui ajaran yang diturunkan kepada Rasul-Nya dan untuk umat Muhammad SAW, maka cara sembah yang diajarkan oleh Baginda SAW sahaja. Penegasan tentang sembah yang betul disebabkan sememangnya Allah SWT mengetahui bahawa sebahagian besar manusia pada hakikatnya tahu tentang kewujudan Tuhan Pencipta dan sememangnya mereka memerlukan pelindung dan Tuhan untuk mereka bermohon dan bermunajat. Oleh itu, syarat utama penyembahan ialah tidak boleh sama sekali melakukan syirik kepada-Nya dalam menyembah-Nya. Satu hadis menjelaskan (Al-Bukhari, 2001: 4471, 6001, 6811, 7520; Muslim, t.th.: 86):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ أَيُّ الذَّنْبِ أَعْظَمُ  
عِنْدَ اللَّهِ؟ قَالَ: «أَنْ تَجْعَلَ لِلَّهِ نِدًّا وَهُوَ خَلَقَكَ.»

Maksud: 'Abdullah (ibn Mas'ud) RA berkata, "Aku bertanya kepada Rasulullah SAW, "Apakah dosa yang paling besar di sisi Allah?" Rasulullah SAW menjawab, "Kamu menjadikan Allah SWT sekutu sedangkan Dia yang menciptakan kamu."

(Al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini diperkukuhkan dengan hadis yang lain:

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «يَا مُعَاذُ، أَتَدْرِي  
مَا حَقُّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ؟» قَالَ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: «أَنْ يُعْبَدَ  
اللَّهُ وَلَا يُشْرَكَ بِهِ شَيْءٌ»، قَالَ: «أَتَدْرِي مَا حَقُّهُمْ عَلَيْهِ إِذَا فَعَلُوا  
ذَلِكَ؟» فَقَالَ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: «أَنْ لَا يُعَذِّبَهُمْ.»

Maksud: Mu 'az bin Jabal RA berkata, "Rasulullah SAW bertanya, "Wahai Mu 'az! Tahukah kamu apa hak Allah SWT yang wajib kepada dilakukan oleh para hamba?" Mu 'az menjawab, "Hanya Allah dan Rasulnya yang lebih mengetahui." Rasulullah SAW menjelaskan, "(Para hamba) menyembah

*Allah SWT tanpa mensyirikannya dengan sesuatu apapun (berhala dan sebagainya).” Kemudian Baginda SAW bertanya lagi, “Apakah kamu tahu apakah hak para hamba tersebut jika dia melakukan perkara tersebut (penyembahan tanpa syirik itu)?” Mu‘az menjawab, “Hanya Allah dan Rasulnya yang lebih mengetahuinya.” Lalu Rasulullah SAW menjawab soalan tersebut, “Bahawa Allah SWT sesekali tidak akan mengazab mereka.”*

*(Al-Bukhari dan Muslim)*

Berdasarkan kepada kedua-dua hadis ini jelas bahawa Allah SWT tidak sesekali tidak akan menerima sembah kepada-Nya jika disyirikkan-Nya dengan sesuatu, bahkan perbuatan tersebut merupakan dosa besar. Sebaliknya, jika para hamba-Nya yang tidak pernah mensyirikan-Nya dengan sesuatu, maka Allah SWT melalui rasul-Nya berjanji tidak akan menyiksa hamba-Nya itu.

Selain tidak boleh menyembah Allah dengan mensyirikan-Nya dengan sesuatu, agama Islam juga mengajar umatnya untuk tidak mensyirikan-Nya dalam bentuk percakapan. Syirik dalam bentuk percakapan ialah seolah-olah menyamakan Allah SWT dengan makhluknya ketika bercakap. Hal ini sebagaimana yang dianjurkan oleh hadis Nabi SAW ini (Ibn Majah, 2009: 2117):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: " إِذَا حَلَفَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَقُلْ: مَا شَاءَ اللَّهُ وَشِئْتُ، وَلَكِنْ لِيَقُلْ: مَا شَاءَ اللَّهُ، ثُمَّ شِئْتُ."

Maksud: *Ibn ‘Abbas RA berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Apabila seseorang bersumpah jangan berkata, “Jika Allah dan engkau kehendaki.” Akan tetapi hendaklah dia berkata: “Jika Allah kehendaki kemudian barulah berkata jika engkau menghendaki.”*

*(Ibn Majah)*

Namun, dalam hadis yang lain perintah tersebut lebih baik ditujukan kepada Allah SWT sahaja dan tidak disandarkan kepada para hamba. Sebagaimana hadis berikut (Ahmad, 2001: 1839):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ ﷺ: مَا شَاءَ اللَّهُ، وَشِئْتُ، فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ ﷺ: "أَجَعَلْتَنِي وَاللَّهِ عَدْلًا بَلْ مَا شَاءَ اللَّهُ وَحْدَهُ."



Maksud: *Ibn 'Abbas RA menceritakan bahawa seorang lelaki berkata kepada Nabi SAW, "Jika Allah SWT dan engkau kehendaki." Lalu Nabi SAW bersabda kepadanya, "Adakah engkau hendak menyamakan aku dan Allah! Bahkan hanya berkata: "Jika dikehendaki Allah sahaja."*

(Ahmad)

Perintah Nabi SAW dalam kedua-dua hadis ini pada hakikatnya bagi mengukuhkan sifat mentauhidkan Allah SWT dalam percakapan mereka. Hal ini kerana sifat mentauhidkan Allah SWT dan tidak mensyirkannya bukan sahaja dalam bentuk perbuatan tetapi juga dalam bentuk percakapan selain tidak boleh mensyirikan-Nya pada zat, kekuasaan, dan perbuatan-Nya.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/196) menambah lagi bahawa perbuatan mensyirikan Allah SWT yang dianggap keji sebagai mana dalam ayat yang dibincangkan ini disokong lagi dengan sebuah hadis yang panjang tentang kisah Nabi Zakaria dan Nabi Isa. Hadis kisah ini sebagai mana sabdaan Baginda SAW yang diriwayatkan oleh Al-Harith al-As'ari (Ahmad, 2001: 2863):

إِنَّ اللَّهَ أَمَرَ يَحْيَىٰ بْنَ زَكَرِيَّا بِخَمْسِ كَلِمَاتٍ أَنْ يَعْمَلَ بِهَا وَيَأْمُرَ  
بِئِسْرَائِيلَ أَنْ يَعْمَلُوا بِهَا، وَإِنَّهُ كَادَ أَنْ يُبْطِئَ بِهَا، فَقَالَ  
عَيْسَى: إِنَّ اللَّهَ أَمَرَكَ بِخَمْسِ كَلِمَاتٍ لَتَعْمَلَ بِهَا وَتَأْمُرَ بِئِسْرَائِيلَ  
أَنْ يَعْمَلُوا بِهَا، فَمَا أَنْ تَأْمُرَهُمْ، وَإِنَّمَا أَنَا أَمْرُهُمْ، فَقَالَ  
يَحْيَى: أَخَشَىٰ إِنْ سَبَقْتَنِي بِهَا أَنْ يُحْسَفَ بِي أَوْ أُعَذَّبَ، فَجَمَعَ  
النَّاسَ فِي بَيْتِ الْمَقْدِسِ، فَامْتَلَأَ الْمَسْجِدُ وَقَعَدُوا عَلَى  
الشُّرْفِ، فَقَالَ: إِنَّ اللَّهَ أَمَرَنِي بِخَمْسِ كَلِمَاتٍ أَنْ أَعْمَلَ بِهِنَّ،  
وَأْمُرُكُمْ أَنْ تَعْمَلُوا بِهِنَّ:

Maksud: *Al-Harith al-As'ari bahawa Nabi SAW bersabda, "Sesungguhnya Allah SWT menyuruh Yahya bin Zakaria AS supaya mengerjakan lima perkara dan menyuruh kaum Bani Isra'il melakukannya, tetapi kemudian beliau lambat menyampaikan kepada Bani Isra'il sehingga Nabi Isa AS berkata: "Sesungguhnya Allah menyuruhmu mengerjakan lima perkara supaya kamu beramal dengan dan menyuruh Bani Isra'il mengamalkannya pula. Jika kamu tidak dapat menyampaikannya, aku akan menyampaikannya. Nabi Yahya AS menjawab: "Aku bimbing*

*jika kamu yang menyampaikannya aku akan binasa atau diazab. Nabi Yahya AS dengan segera mengumpulkan Bani Isra'il di Baitulmaqdis sehingga bilangan mereka memenuhi ruang di dalam Masjid. Kemudian beliau duduk di atas mimbar dan sesudah memuji dan mengucapkan syukur kepada Allah SWT beliau berkhotbah, "Allah SWT menyuruh aku melakukan lima perkara dan kini untuk aku mengamalkannya, sekarang aku menganjurkan kepada kamu untuk melaksanakannya, iaitu:*

أَوَلَهُنَّ أَنْ تَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا، وَإِنَّ مَثَلَ مَنْ أَشْرَكَ بِاللَّهِ كَمَثَلِ رَجُلٍ اشْتَرَى عَبْدًا مِنْ خَالِصِ مَالِهِ بِذَهَبٍ أَوْ وَرِقٍ، فَقَالَ: هَذِهِ دَارِي وَهَذَا عَمَلِي فَأَعْمَلْ وَأَدِّ إِلَيَّ، فَكَانَ يَعْمَلُ وَيُؤَدِّي إِلَيَّ غَيْرِ سَيِّدِهِ، فَأَيُّكُمْ يَرْضَى أَنْ يَكُونَ عَبْدُهُ كَذَلِكَ؟

Maksud: Yang pertama ialah hendaklah kamu menyembah Allah dan jangan mensyirikannya dengan sesuatu. Sesungguhnya perumpamaan seseorang yang mensyirikan Allah seperti seorang lelaki yang membeli seorang hamba dengan hartanya daripada emas dan perak dan dia berkata kepada hambanya: "Ini rumahku dan ini pekerjaanku, bekerjalah dan sempurnakannya untukku. Namun, hamba itu berkerja dan menunaikan amanahnya kepada tuannya yang lain. Jika terjadi begitu, siapakah daripada kamu yang akan suka hambanya melakukan perkara tersebut.

وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ، فَإِذَا صَلَّيْتُمْ فَلَا تَلْتَفِتُوا فَإِنَّ اللَّهَ يَنْصِبُ وَجْهَهُ لَوَجْهِ عَبْدِهِ فِي صَلَاتِهِ مَا لَمْ يَلْتَفِتْ

Maksud: Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu untuk mendirikan solat. Ketika kamu bersolat janganlah kamu menoleh kiri dan kanan, kerana Allah memandang secara terus wajahmu ketika kamu melaksanakannya selagi kamu tidak menoleh-noleh.

وَأَمْرُكُمْ بِالصِّيَامِ، فَإِنَّ مَثَلَ ذَلِكَ كَمَثَلِ رَجُلٍ فِي عِصَابَةٍ مَعَهُ صُرَّةٌ فِيهَا مِسْكٌ، فَكُلُّهُمْ يَعْجَبُ أَوْ يُعْجِبُهُ رِيحُهَا، وَإِنَّ رِيحَ الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ.

Maksud: Allah memerintah kamu berpuasa, kerana perumpamaan orang yang berpuasa seperti seorang lelaki yang berada dalam gerombolan yang membawa bekas air yang berisi kasturi. Setiap kamu akan takjub dengan bau kasturi itu. Namun bau mulut orang yang berpuasa lebih wangi di sisi Allah berbanding bau kasturi.

وَأْمُرْكُمْ بِالصَّدَقَةِ فَإِنَّ مَثَلَ ذَلِكَ كَمَثَلِ رَجُلٍ أَسْرَهُ الْعَدُوَّ، فَأَوْثَقُوا يَدَهُ إِلَى عُنُقِهِ وَقَدَّمُوهُ لِيَضْرِبُوا عُنُقَهُ، فَقَالَ: أَنَا أَفْدِيهِ مِنْكُمْ بِالْقَلِيلِ وَالكَثِيرِ، فَفَدَى نَفْسَهُ مِنْهُمْ.

Maksud: Allah SWT memerintahkan kamu bersedekah. Sesungguhnya perumpamaan orang yang bersedekah seperti seorang lelaki yang musuh sudah menaumannya, lalu diikat tangan ke tengkuknya dan dibawa untuk dipenggal lehernya. Tiba-tiba seseorang berkata: "Aku tebusnya daripada kamu dengan bayaran sama ada sedikit atau banyak." Lelaki itu berjaya menebus dirinya daripada musuhnya.

وَأْمُرْكُمْ أَنْ تَذْكُرُوا اللَّهَ فَإِنَّ مَثَلَ ذَلِكَ كَمَثَلِ رَجُلٍ خَرَجَ الْعَدُوُّ فِي أَثَرِهِ سِرَاعًا حَتَّى إِذَا أَنَّى عَلَى حِصْنٍ حَصِينٍ فَأَحْرَزَ نَفْسَهُ مِنْهُمْ، كَذَلِكَ الْعَبْدُ لَا يُحْرَزُ نَفْسَهُ مِنَ الشَّيْطَانِ إِلَّا بِذِكْرِ اللَّهِ.

Maksud: Allah memerintahkan kamu untuk berzikir mengingati Allah. Sesungguhnya orang berzikir mengingati Allah seperti seorang lelaki yang lari dengan cepat kerana musuh mengejarnya sehingga lelaki tersebut dapat masuk ke dalam benteng yang sangat kukuh dan dia berjaya melindungi dirinya daripada musuh tersebut. Demikianlah seseorang hamba pada hakikatnya tidak dapat membentengi dirinya daripada syaitan melainkan dengan berzikir mengingati Allah.

قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: وَأَنَا أْمُرْكُمْ بِخَمْسِ اللَّهِ أَمْرَيْنِ بِهِنَّ، السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ وَالْجِهَادُ وَالْهَجْرَةُ وَالْجَمَاعَةُ، فَإِنَّهُ مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ قِيدَ شِبْرٍ فَقَدْ خَلَعَ رِبْقَةَ الْإِسْلَامِ مِنْ عُنُقِهِ إِلَّا أَنْ يَرْجِعَ، وَمَنْ أَدْعَى دَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ فَإِنَّهُ مِنْ جُثَا جَهَنَّمَ، فَقَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَإِنْ صَلَّى وَصَامَ؟ قَالَ: وَإِنْ صَلَّى وَصَامَ، فَادْعُوا بِدَعْوَى اللَّهِ الَّذِي سَمَّاكُمْ الْمُسْلِمِينَ الْمُؤْمِنِينَ، عِبَادَ اللَّهِ.

Maksud: Kemudian Nabi SAW bersabda, "Aku pula menyuruh kamu semua dengan lima perkara yang Allah menyuruhku dengannya, (1) dengar dan (2) taat (kepada pemimpin), (3) jihad, (4) hijrah, dan (5) berjemaah. Sesungguhnya sesiapa yang memisahkan diri daripada jemaah walaupun dengan sejengkal, bereti dia melepaskan ikatan Islam daripada lehernya kecuali jika dia kembali semula. Sesiapa yang mengajak dengan ajakan jahiliyyah, maka sesungguhnya dia dalam kalangan ahli neraka.

*Seorang lelaki bertanya, "Wahai Rasulullah! Sekalipun jika dia bersolat dan berpuasa." Rasulullah menjawab, "Sekalipun dia bersolat dan berpuasa. Oleh itu, aku menyeru kamu semua dengan seruan Allah yang menamakan kamu semua sebagai 'Muslim', 'Mukmin', 'hamba Allah'.*

*(Ahmad)*

Berdasarkan hadis ini menunjukkan bahawa mensyirikkan Allah SWT adalah patut dijadikan dosa besar kepada seseorang hamba disebabkan oleh sifat keji hamba itu sendiri. Sifat keji tersebut ialah dia diberikan segala nikmat oleh Allah SWT dalam bentuk kehidupan, nikmat tubuh badan, udara, minuman, makanan, kesihatan, dan pelbagai kenikmatan yang tidak mampu disenarai serta tidak ternilai harganya, namun orang itu berbakti kepada Tuhan yang lain yang langsung tidak ada kaitan dengan pemberian nikmat yang diterimanya dengan mengenyampingkan Allah SWT atau menggunakan metode yang salah untuk berbakti kepada-Nya.

## **PENGAJARAN AYAT**

Kedua-dua ayat perbincangan membincangkan beberapa pengajaran yang sangat penting buat umat manusia, golongan kafir, golongan atheis munafik, dan umat Islam, iaitu:

- (1) Umat manusia khususnya non Muslim perlu perlu menyakini bahawa Tuhan itu wujud berdasarkan dalil daripada alam sekeliling mereka. Dalil alam yang paling mudah sehingga ke dalil yang paling rumit seperti berikut:
  - (a) Akal manusia boleh menerima kewujudan lembu dengan hanya melihat tahi lembu yang ada bertepek-tepek di jalan raya. Hal ini sekalipun lembu tidak dapat dilihat di mana-mana pada ketika dia melihat tahi lembu tersebut.
  - (b) Akal manusia boleh menerima bahawa sebentar tadi ada orang menggunakan bilik air di rumahnya dengan melihat kesan tapak kaki yang basah yang keluar daripada bilik air. Hal ini sekalipun dia mendapati tidak ada orang lain selain dirinya sahaja dalam rumah tersebut.
  - (c) Kewujudan bumi, kewujudan langit, sumbangan langit melalui awan dalam bentuk hujan bagi menyuburkan bumi merupakan kewujudan yang lebih rumit daripada penghasilan reka bentuk ciptaan manusia. Sudah tentu akal manusia boleh menghubungkan

bahawa sudah tentu ada satu kuasa Yang Maha Hebat, Maha Perkasa, Maha Berkehendak, Maha Pencipta, Maha Pemberi Rezeki terhadap ciptaan-Nya. Semua sifat ini merujuk kepada zat Tuhan yang memperkenalkan dirinya melalui al-Quran sebagai Allah, iaitu Tuhan yang mencipta, mengurus, memastikan rezeki untuk semua ciptaannya agar mereka boleh hidup.

- (2) Allah SWT memerintah umat manusia perlu meneliti penciptaan diri mereka sendiri dengan dikhususkan pemerhatian ini dengan perintah menyembah Allah SWT. Perintah pemerhatian ini berkait rapat dengan:
- (a) Manusia merupakan ciptaan Allah SWT yang paling sempurna. Diberikan akal dan kecerdikan berbanding makhluk yang lain.
  - (b) Semua suruhan Allah SWT untuk melihat alam selain diri manusia bagi membuktikan bahawa kejadian lain alam akhirnya kembali semula faedahnya kepada manusia. Contoh:
    - (i) Penciptaan bumi agar manusia boleh hidup bergerak, berjalan dan keluar bekerja mencari rezeki serta berbaring untuk merihatkan badan.
    - (ii) Penciptaan langit sebagai bumbung bagi memelihara makhluk hidup di bawah langit daripada kemudaran dan kemusnahan. Makhluk terpenting ialah manusia itu sendiri terselamat.
    - (iii) Penciptaan langit dan awan yang menurunkan hujan untuk memberikan minuman kepada haiwan dan manusia selain untuk menyuburkan tanah agar tumbuh-tumbuhan dapat berkembang subur bagi memberikan manusia buah-buahan dan sayuran untuk mereka boleh makan untuk meneruskan kehidupan. Tumbuh-tumbuhan yang hidup juga untuk binatang ternakan makan yang akhirnya manusia boleh menggunakan binatang ternakan sebagai makanan dan kenderaan mereka.

Hal ini menunjukkan bahawa pemusatan maksud penciptaan makhluk adalah ditujukan kepada manusia dan bukan makhluk yang lain daripada manusia.

- (c) Tidak ada ciptaan yang canggih dalam dunia ini seperti kapal laut, kapal terbang, dan robot boleh wujud dengan dengan sendiri, memilih sendiri untuk tugas kewujudan, dan bergerak sendiri

dengan mengikut kehendak tugas yang dia wujud. Ciptaan itu mesti ada pakar yang menciptakannya, dicipta untuk memenuhi tugas pakar yang menciptakannya, dan seseorang yang mahir mengendalikannya. Contoh termudah ialah akal yang logik tidak akan boleh menerima bahawa sebuah kapal laut boleh terjadi dengan sendiri dan kapal itu mampu menentukan pekerjaannya untuk mengangkut barang, serta kapal itu sendiri mampu mengendalikan dirinya. Terbukti bahawa kapal itu ada pemilik, pengendali, dan ditentukan tugasannya untuk mengangkut barang dan dikendalikan oleh ketua nakhoda untuk belayar di laut. Hal yang sama berlaku dengan penciptaan manusia. Mustahil manusia terjadi dengan sendirinya dan boleh memilih maksud sebenar tujuan penciptaan tersebut, dan boleh memenuhi keseluruhan tujuan dia dijadikan dengan hanya bergantung kepada dirinya sendiri.

- (d) Terbukti bahawa penyembahan manusia kepada Allah SWT merupakan matlamat terpenting mengapa manusia diciptakan. Hal ini sebagaimana hubungan perintah Allah SWT agar manusia menyembah-Nya dengan memerhatikan penciptaan diri mereka adalah sebenarnya bermatlamat untuk berbakti dan menyembah Allah SWT.
- (3) Setelah memahami dan menyakini kewujudan Tuhan, umat manusia dituntut untuk mengetahui bahawa Tuhan itulah ialah Allah SWT. Allah SWT memperkenalkan namanya melalui al-Quran yang Dia sendiri menurunkannya melalui Rasul-Nya.
- (4) Umat manusia dituntut untuk memahami dan menyakini bahawa Allah SWT adalah tempat selayaknya disembah kerana Dia pencipta sebenar alam ini. Apa yang direka bentuk oleh tangan manusia apatah lagi berhala sama sekali tidak boleh diterima oleh akal yang sihat sebagai tuhan yang boleh dirujuk kepada kewujudan penciptaan. Begitu juga alam sekeliling yang dilihat oleh manusia juga tidak boleh dirujuk sebagai tuhan kerana semuanya adalah kesan daripada ciptaan Allah SWT yang dipanggil makhluk.
- (5) Allah SWT mengetahui bahawa manusia perlukan Allah SWT untuk disembah dan sebagai tempat bermohon selaku Tuhan yang mencipta mereka. Oleh itu, umat manusia dituntut untuk menyembah Allah SWT dengan cara yang diajarkan al-Quran, iaitu menyembah terus kepada-Nya tidak boleh disekutukan dengan sesuatu apapun di

dunia ini apatah lagi jika yang disekutukan itu adalah berhala yang direka bentuk oleh tangan manusia.

- (6) Umat manusia dituntut untuk mengetahui bahawa menyekutukan Allah SWT dianggap perbuatan yang paling keji di sisi-Nya kerana manusia berbakti kepada tuhan yang bukan menciptakan mereka sedangkan segala nikmat ciptaan adalah diciptakan oleh Allah SWT untuk manusia dan manusia sendiri menggunakan nikmat dirinya sendiri yang tidak ternilai harganya hasil daripada pemberian daripada Allah SWT. Oleh itu, selayaknya bagi Allah SWT untuk menyiksa hamba yang tidak menyembah-Nya kerana Allah SWT merupakan Tuhan sebenar atau menyiksa hamba-Nya, iaitu manusia yang menyembah-Nya dengan cara yang salah.
- (7) Selain perintah kepada manusia, tuntutan perintah kepada umat Islam sendiri:
  - (a) Umat Islam dituntut untuk menjauhi Dosa menyekutukan Allah SWT dalam hal peribadatan dan ketika memohon hajat selain tidak menyekutukan Allah SWT pada sifat, zat, dan perbuatan Allah SWT.
  - (b) Umat Islam dituntut untuk menjauhi perkataan yang menyamakan Allah SWT dengan makhluknya dan merujuk kepada Allah SWT sahaja bagi menjaga semangat tauhid dalam diri. Oleh itu, mereka dituntut menggunakan perkataan '*insyallah*' yang bererti '*dengan izin Allah*' sahaja.
  - (c) Umat Islam dituntut untuk bersolat dengan khusyuk tanpa menoleh-noleh kerana ketika mereka bersolat Allah SWT memberi perhatian kepada wajah hambanya.
  - (d) Umat Islam dituntut untuk berpuasa. Bau mulut orang yang berpuasa lebih wangi di sisi Allah SWT daripada bau kasturi.
  - (e) Umat Islam dituntut untuk berzakat dan bersedekah. Zakat dan sedekat dianggap sebagai penebus diri seseorang daripada kebinasaan musuh mereka.
  - (f) Umat Islam dituntut untuk berzikir mengingati Allah SWT kerana zikir mengingati-Nya dianggap sebagai perisai yang paling ampuh daripada Allah SWT bagi menyelamatkan dirinya daripada syaitan.

- (g) Umat Islam dituntut untuk dengar dan taat kepada ketua, melakukan jihad, hijrah, dan kekal dengan jemaah umat Islam yang berada dalam arus perdana, iaitu *Ahli Sunnah wal Jamaah* dan tidak memilih jalan yang terkeluar daripada umat Islam yang berada di arus perdana tersebut. Kegagalan berada dalam ajaran Islam dalam arus perdana menjadikannya tersesat sehingga boleh memudaratkan diri dan agamanya melainkan jika dia kembali bertaubat dan mengikuti semula jalan tersebut.

Semoga nasihat Allah SWT kepada para hamba-nya dapat dilaksanakan oleh umat Islam dan umat manusia dengan sempurna.

### RUJUKAN

- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Ibn 'Abbas, Abdullah 'Abbas. t.th. *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas*. Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub (Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub 'Imiyah.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Ciri Orang Kafir dan Munafiq: Al-Baqarah (2: 6-16)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran pada 2hb. Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran. Kolej Tun Fatimah, UTM.



- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018c. *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018d. *Perumpamaan Indah Buat Sang Munafiq: Al-Baqarah (2: 17-20)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran pada 9hb Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018e. *Siapa Allah? dan Dongeng Para Atheis: Al-Baqarah (2: 21-22)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran pada 16hb. Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.



Tel: +(6)07-5537501/37508 Faks: +(6)07-5537532 <http://www.utm.my/islamic-centre> Emel:msi@utm.my

RUJUKAN KAMI : UTM.J.01.08/10.14/2 (5)

7 Mac 2017

RUJUKAN TUAN :

*Jamadilakhir 1438*

Dr. Abd Rahman bin Hamzah  
Ustaz Mahyudin bin Md. Sarip  
Ustaz Mohd. Firdaus bin Pazim @ Fadzim  
Ustaz Panji Alam bin Mazhisham  
Ustaz Muhammad Faris bin Mohd Alwi  
Ustaz Mohd. Yusoff bin Mohd. Rawi  
Ustaz Ibrahim Khalil bin Abdullah  
**Pusat Islam, UTM Johor Bahru**

Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Ismail bin Mustari  
Prof. Madya Dr. Ajmain bin Safar  
Prof. Madya Ahmad Kilani@A.Kilan bin Mohamed  
Dr. Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad  
Dr. Mohd. Fauzi bin Abu@Hussin  
Dr. Kamarul Azmi bin Jasmi  
Dr. Nurazmallail bin Marni  
Dr. Idris bin Ismail  
Dr. Ahmad Marzuki bin Mohamed  
Dr. Aminuddin bin Hehsan  
Dr. Mohd Nasir bin Ripin  
Dr. Mohd. Nasir bin Masroom  
Dr. Wan Hassan bin Wan Embong  
Ustaz Md. Abbas bin Abd Latiff  
Ustaz Ahmad Puhad bin Alim

**Fakulti Tamadun Islam, UTM Johor Bahru**

Ustaz Juhazren bin Junaidi  
**Fakulti Pendidikan, UTM Johor Bahru**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saudara,



**PELANTIKAN SEBAGAI PEMBIMBING PROGRAM MEMBUDAYAKAN AL-QURAN PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Pendaftar Universiti Teknologi Malaysia telah bersetuju untuk melantik saudara sebagai Pembimbing Program Membudayakan Al-Quran Peringkat Universiti Teknologi Malaysia.

3. Pihak Universiti telah bersetuju melaksanakan Program Pembudayaan Al-Quran berpusat pada setiap hari Khamis, bermula 8.15 pagi hingga 9.15 pagi. Program ini akan dilaksanakan mengikut zon yang telah ditetapkan selaras dengan **Pekeliling Pentadbiran Bil. 13/2014.**


....2/-

4. Bagi pihak Pusat Islam saya ingin mengucapkan tahniah di atas pelantikan saudara dan semoga saudara dapat memberikan kerjasama serta komitmen yang tinggi dalam menjayakan Program Membudayakan Al-Quran Peringkat Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian, terima kasih. *Wassalam.*

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Yang benar,



Prof. Madya Dr. Aminuddin bin Ruskam

Pengarah

Pusat Islam

Universiti Teknologi Malaysia

☎ 07-5537500

✉ al-dawamy@utm.my